

Baca petikan dibawah dan jawab soalan.

Buluh ialah sejenis tumbuhan pelbagai guna. Tumbuhan ini biasanya tumbuh meliar di kawasan pinggir hutan.

Pada masa dahulu, pokok buluh dijadikan dinding dan lantai rumah. Pokok ini juga turut dijadikan galah. Anak buluh disebut rebung. Rebung boleh dimasak sebagai sayur.

Peredaran zaman turut mengubah kegunaan pokok buluh. Manusia mula mencipta alat muzik seperti angklung dan serunai. Buluh yang telah diraut nipis dijadikan hasil kraf tangan seperti bakul, tudung saji, dan kipas hiasan.

Bagi penduduk di negara China dan Thailand, mereka telah berjaya mencipta payung daripada buluh dan dieksport ke negara luar.

1. Dimanakah pokok buluh boleh diperolehi?

2. Pada bahagian yang manakah buluh boleh dimakan?

3. Apakah alat muzik yang dihasilkan daripada buluh?

4. Apakah hasil kraftangan daripada buluh?

5. Negara manakah yang mengeksport payung dibuat daripada buluh?

Bina ayat berdasarkan gambar.



Contoh kaedah membina ayat yang lengkap.

Siapa	Kata Kerja	Pelengkap ayat
Ayah	mengorek longkang	dengan menggunakan cangkul.

1. Ayah mengorek longkang dengan menggunakan cangkul.

2. _____
_____ .

3. _____
_____ .

4. _____
_____ .